

NO. SOALAN: 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 13 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7129

SOALAN:

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai kesalahan yang dilakukan oleh Pasukan Peronda Sukarela (PPS) di Pulau Pinang mengikut undang-undang pertubuhan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] memperuntukkan mana-mana pertubuhan yang ingin bergerak secara sah perlulah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Kegagalan mana-mana pertubuhan untuk berbuat demikian akan berdepan dengan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 6 (3) Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] iaitu, "Sesiapa yang melakukan pelanggaran terhadap Seksyen 6 (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan jika pelanggaran itu adalah suatu pelanggaran yang berlanjutan, maka orang itu bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari pelanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama".

Peruntukan di bawah Seksyen 2 Akta yang sama pula ada menyebut bahawa sekumpulan tujuh (7) orang atau lebih adalah memenuhi tafsiran sebagai sebuah pertubuhan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal dan sewajarnya mengambil tindakan untuk membuat permohonan pendaftaran pertubuhan.

Berhubung dengan status Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Pulau Pinang pula, rekod Kementerian menunjukkan bahawa

PPS Pulau Pinang tidak pernah momohon untuk didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Sehubungan dengan itu, bagi perkara-perkara berkaitan PPS Pulau Pinang, Kementerian ini tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci perkara tersebut kerana dikhuatiri akan mengganggu siasatan pihak polis dan JPPM yang sedang berjalan.